



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 6 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	PELBAGAI INSENTIF DISALURKAN UNTUK RANCAKKAN SEKTOR DI BAWAH MAFI, SEMASA, NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -2 INCENTIVES TO BOOST FOOD, AGRO SECTORS IN SABAH – KIANDEE, HOME, NEW SABAH TIMES ENGLISH (KK) -4 INCENTIVES TO BOOST FOOD, AGRO SECTORS IN SABAH – KIANDEE, ASIA NEWS TODAY -ONLINE INCENTIVES TO BOOST FOOD, AGRO SECTORS IN SABAH, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -3 MAHA 2020 TO ENSURE AGRICULTURE SECTOR CONTINUES TO GROW – KIANDEE, HOME, BORNEO POST (KK) -5 PERTANIAN SEKTOR TUNGGAL TUNJUK PERTUMBUHAN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7. 8. 9.	6 BOT TENGGELAM, 16 KRU MYANMAR SELAMAT, LOKAL, HM -18 16 WARGA MYANMAR TERSELAMAT 6 BOT NELAYAN TENGGELAM, NASIONAL, BH -17 RAHMAT TIKA MUSIBAH, LOKAL, METRO AHAD -11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	VP VOWS TO HELP 'TREETOP GIRL', NATION, THE STAR -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
11.	BAMBANGAN NOW AVAILABLE IN JUICE FORM, HOME, BORNEO POST (KK) -5	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	PTD RAUB SAHKAN TIADA RUNDINGAN ANTARA PEKEBUN DURIAN, NASIONAL, SH -8 ANGKASA RANCANG TERNAK UDANG, DALAM NEGERI, UM -8 4 HEKTAR TERNAK UDANG PUTIH, NEGARA, KOSMO -14 HASIL 100 ANAK AYAM DALAM SEMINGGU, XPRESI, METRO AHAD -36 BUAH NAGA SEPANG, PANORAMA, KOSMO AHAD -17 KEUNIKAN BUAH MIDNIGHT BEAUTY, PANORAMA, KOSMO AHAD -18 TARIKAN AGROPELANCONGAN BAHARU DAERAH SEPANG, PANORAMA, KOSMO AHAD -19	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Pelbagai insentif disalurkan untuk rancakkan sektor di bawah MAFI		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	06 Sep 2020	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	2	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	138 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 306
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 917



Pelbagai insentif disalurkan untuk rancakkan sektor di bawah MAFI

KOTA KINABALU: Pelbagai insentif disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk merencanakan pertumbuhan sektor-sektor di bawah kementerian itu dalam usaha membantu rakyat yang terlibat secara aktif dalam bidang berkenaan.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata antara insentif itu ialah Program Agropreneur Muda Fasa 2/2020 yang melibatkan 344 penerima Geran Agropreneur Muda bernilai RM6.67 juta.

"Daripada jumlah itu, seramai 29 penerima geran adalah dari Sabah dengan nilai geran berjumlah RM563,400 sebagai bantuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil selain menambah pendapatan agropreneur muda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian MAHA2020 #Sabah bagi mempromosikan MAHA2020 yang akan diadakan di MAEPS Serdang pada 26-29 Nov ini.

Kiandee berkata jabatan Pertanian juga membangunkan program pengukuhan skim amalan pertanian baik (MYGAP) & MYORGANIK dengan membina sebuah pusat kitar semula bekas racun primer dan sem-

bilan buah pusat pengumpulan bekas racun kecil di Sabah bernilai RM137,000.

Beliau berkata bagi membantu golongan B40 pula, tanah seluas sembilan hektar di kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) diperuntukkan bagi projek tanaman kontan dengan penglibatan 46 petani dari 11 buah kampung di Kota Belud melibatkan kos sebanyak RM170,000.

"Bantuan elaun sara hidup nelayan di Sabah turut disalurkan kepada 6,096 penerima berjumlah RM8.7 juta," katanya.

Selain itu, di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Agrobank juga akan menawarkan pembiayaan mikro kepada Perusahaan Kecil Sederhana bagi negeri Sabah berjumlah RM38.66 juta," katanya.

Pada majlis itu, Kiandee turut melancarkan dan memperkenalkan jus buah bambangan yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Beliau berkata kementerian akan membantu mempromosikan jus itu yang merupakan antara buah yang popular di Sabah. - Bernama

Headline	Incentives to boost food, agro sectors in Sabah - Kiandee		
MediaTitle	New Sabah Times English (KK)		
Date	06 Sep 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	11,025
Page No	4	Readership	33,075
Language	English	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 390
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,169



Incentives to boost food, agro sectors in Sabah – Kiandee

KOTA KINABALU: Various incentives have been provided by the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) to boost the growth of sectors under the ministry in an effort to help those active in the field.

Its minister, Datuk Seri

Dr Ronald Kiandee said among the incentives include the Young Agropreneur Phase 2/2020 Programme involving a total of 344 recipients who will receive the Young Agropreneur grant from MAFI worth RM6.67 million.

"Of the total, 29 recip-

ients are from Sabah, with a value of RM563,400 as assistance to increase revenue production as well as increase the income of young agropreneurs," he said.

He said this while speaking at the opening ceremony of the MAFI Malaysia event held in conjunction

with MAHA2020 #Sabah to promote MAHA2020 to be held at MAEPS Serdang from Nov 26-29.

Kiandee said to help the B40 group, nine hectares of land in the integrated agricultural development area (IADA) was allocated for cash crop projects with the

involvement of 46 farmers from 11 villages in Kota Belud involving a cost of RM170,000.

"Cost of Living aid (BSH) was also given to 6,096 recipients (fishermen) amounting to RM8.7 million," he said.

Apart from that, under the National Economic Recovery Plan (PENJANA), Agrobank will also offer micro financing to small and medium scale enterprises amounting to RM38.66 million," he said.

At the event, Kiandee also launched and introduced the bambangan fruit juice produced by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI). -Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2020	ASIA NEWS TODAY	ONLINE	

Incentives to boost food, agro sectors in Sabah – Kiandee



said.

KOTA KINABALU, Sept 5 — Various incentives have been provided by the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) to boost the growth of sectors under the ministry in an effort to help those active in the field.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said among the incentives include the Young Agropreneur Phase 2/2020 Programme involving a total of 344 recipients who will receive the Young Agropreneur grant from MAFI worth RM6.67 million.

"Of the total, 29 recipients are from Sabah with a value of RM563,400 as assistance to increase revenue production as well as increase the income of young agropreneuers," he

He said this while speaking at the opening ceremony of the MAFI Malaysia event held in conjunction with MAHA2020 #Sabah to promote MAHA2020 to be held at MAEPS Serdang from Nov 26-29.

Kiandee said to help the B40 group, nine hectares of land in the integrated agricultural development area (IADA) was allocated for cash crop projects with the involvement of 46 farmers from 11 villages in Kota Belud involving a cost of RM170,000.

"Cost of Living aid (BSH) was also given to 6,096 recipients (fishermen) amounting to RM8.7 million," he said.

Apart from that, under the National Economic Recovery Plan (PENJANA), Agrobank will also offer micro financing to small and medium scale enterprises amounting to RM38.66 million," he said.

At the event, Kiandee also launched and introduced the bambangan fruit juice produced by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI).

—BERNAMA

Headline	Incentives to boost food, agro sectors in Sabah		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	06 Sep 2020	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	116 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 247
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 740



Incentives to boost food, agro sectors in Sabah

KOTA KINABALU: Various incentives have been provided by the Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) to boost the growth of sectors under the Ministry in an effort to help those active in the field.

Its Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said among the incentives include the Young Agropreneur Phase 2/2020 Programme involving a total of 344 recipients who will receive the Young Agropreneur grant from Mafi worth RM6.67 million.

"Of the total, 29 recipients are from Sabah with a value of RM563,400 as assistance to increase revenue production as well as increase the income of young agropreneurs," he said.

He said this while speaking at the opening ceremony of the Mafi Malaysia event held in conjunction with Maha2020 #Sabah to promote Maha2020 to be held at MAEPS Serdang from Nov 26-29.

Kiandee said to help the B40 group, nine hectares in the integrated agricul-

tural development area (IADA) was allocated for cash crop projects with the involvement of 46 farmers from 11 villages in Kota Belud involving a cost of RM170,000.

"Cost of Living aid (BSH) was also given to 6,096 recipients (fishermen) amounting to RM8.7 million," he said.

Apart from that, under the National Economic Recovery Plan (Penjana), Agrobank will also offer micro financing to small and medium scale enterprises amounting to RM38.66 million," he said. - Bernama

Headline	Maha 2020 to ensure agriculture sector continues to grow - Kiandee		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	06 Sep 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	244 cm ²
Journalist	Nancy Lai	AdValue	RM 1,360
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,081



Maha 2020 to ensure agriculture sector continues to grow – Kiandee

By **Nancy Lai**

KOTA KINABALU: Agriculture is the only sector that recorded a growth during the Movement Control Order (MCO) implemented as part of the government's efforts to stem the spread of Covid-19 in the country.

Thus, steps need to be taken to ensure that the sector continues to develop and grow, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

"This is where the biennial Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism 2020 (Maha 2020) which will be held from November 26 to 29 in Serdang, Selangor will be able to assist," he said.

Maha would be able to increase the growth in the agriculture sector making it an important contributor to the country's economy, he told reporters after officiating at a promotional program for Maha 2020 in Sabah on Saturday.

Kiandee said not holding the event would have a negative impact on the country's

agriculture sector.

Maha, he said, is a biennial event to showcase the latest findings, technology in the agriculture and agro-food industry.

"We know many people are anticipating the event which draws about four million visitors every time it is held. This is why the government decided to go ahead with organising the event but with a different concept," he said.

Kiandee explained that the concept would be both physical and virtual and that SOP recommended by the relevant authorities would be in place.

"In the past we got about 4 million visitors to the week-long event but this time we are limiting the attendance to invited guests only, about 100,000 for the four day event.

"For the virtual concept, we are inviting companies to virtually showcase their findings in automation and mechanism in the agricultural industry," he said and expressed hope that Malaysians would understand what was happening.

On Sabah's potential to be a major food producer for the country, Kiandee said that

some of the food products in high demand are coconuts and bananas.

Fama, he said, is exporting bananas from Sabah to Peninsular Malaysia to make up for the reduced supply there due to disease. What type of food that can be marketed?

"The ministry will always assist in terms of policies and our Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said Sabah has high potential in agriculture.

"So we need to implement policies that can stimulate the involvement of the private sector in the industry to ensure it continues to contribute to the country's GDP," he said.

During the event yesterday, Kiandee presented grants from the ministry to several groups of entrepreneurs, farmers and fishermen.

He also launched the 'bambangan' juice by Mardi which he said the ministry would be helping to promote.

Touching on the issue of funding, Kiandee pointed out that the state needs federal funding and the cooperation between the state and federal is a factor that can expedite the state's development.

Headline	Pertanian sektor tunggal tunjuk pertumbuhan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	06 Sep 2020	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	366 cm ²
Journalist	Ricardo Unto	AdValue	RM 778
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,334



Pertanian sektor tunggal tunjuk pertumbuhan

Ricardo Unto

SEPANGGAR: Pertanian adalah satu-satunya sektor di negara ini yang menyaksikan pertumbuhan positif pada suku kedua tahun ini.

Sehubungan itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiang berkata sektor itu penting, khususnya dalam menyumbang kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) negara.

"Semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), industri makanan, termasuk pengeluaran dan pemrosesan makanan dikategorikan sebagai perlu," katanya selepas merasmikan Road to Maha 2020, di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), di sini, Sabtu.

Sebelum ini, dilaporkan bahawa KDNK Malaysia menguncup 17.1 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas dalam suku kedua tahun ini, berbanding pertumbuhan kecil 0.7 peratus dalam suku pertama.

Ia merupakan prestasi terburuk dalam tempoh hampir 22 tahun apabila suku keempat 1998 menyaksikan penguncupan 11.2 peratus, semasa krisis kewangan Asia.

Dari segi pengeluaran, semua sektor merekodkan pertumbuhan negatif kecuali pertanian yang melihat kenaikan kecil satu peratus. Pertanian menyumbang 8.5 peratus kepada KDNK.

Bank Negara Malaysia berkata penurunan itu menggambarkan impak besar yang belum pernah berlaku sebelum ini akibat sekatan ketat pandemik Covid-19 di



KIANG dan yang lain mengangkat plakart untuk mempromosi Maha 2020.

dalam dan di luar negara.

Kiang juga berkata Kementerian bersedia untuk membantu melonjakkan sektor pertanian, khususnya di Sabah, melalui pelbagai bantuan kewangan.

"Terdapat pelbagai bantuan dan geran untuk Sabah kerana pertanian adalah sektor yang perlu dibangunkan di semua negeri. Kerajaan negeri boleh mendapat hasil kira-kira RM4 bilion setiap tahun tetapi geran daripada jabatan atau agensi persekutuan masih diperlukan untuk membangunkan sektor ini.

"Sehubungan itu, kerjasama rapat antara kerajaan negeri dan persekutuan adalah faktor penting dalam memudahkan pembangunan Sabah kerana hasil negeri terhad."

Mengenai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (Maha) 2020, beliau berkata, ia akan dijalankan dalam format hibrid - gerai fizikal dan maya.

"Biasanya acara dua tahun sekali ini akan menarik kira-kira empat juta pelawat tetapi tahun ini, kami menghadkannya kepada kira-kira 100,000 pelawat jemputan melalui program empat hari," katanya.

Dengan tema "Pertanian Penjana Ekonomi Negara", Maha 2020 akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Selangor, dari 26-29 November.

Maha 2020 juga menarik beberapa rakan strategik baharu dari Sabah yang akan menyertai dan menyokong acara itu.

"Saya berharap lebih banyak rakan strategik dari Sabah akan mengambil bahagian dalam Maha 2020."

Sementara itu, Kiang juga melancarkan satu minuman jus Bambang baharu, yang dibangunkan oleh Mardi.

"Antara produk lain yang dibangunkan oleh Mardi adalah aiskrim, jem, kordial dan jeruk Bambang," katanya.



KEADAAAN kapal yang tenggelam.

Bagan Datuk: Seramai 16 kru warga Myanmar terse- lamat selepas enam bot pu- kat tunda tenggelam dipukul ombak besar di kedudukan 3-7 batu nautika dari muara Sungai Hutan Melintang, di sini, kelmarin.

Pengarah Agensi Penguat- kuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak, Kepten Shahrizan Raman berkata, pihaknya menerima maklu- mat kejadian itu daripada Pasukan Polis Marin (PPM), jam 12.50 tengah hari se-

belum sepasukan anggota digerakkan ke lokasi.

Anggota mendapati se- mua kru bot nelayan ber- kenaan sudah diselamatkan bot nelayan lain yang berada berhampiran lokasi.

"Semua nelayan terbabit selamat. Enam bot nelayan itu masing-masing dikenal pasti keluar dari jeti di Se- kuchan, Selangor; Bagan Datuk dan Hutan Melin- tang," katanya.

Menurutnya, kejadian di- percayal berlaku kerana fe-

nomena air pasang besar, hujan dan angin kuat hingga menyebabkan semua bot itu tenggelam.

"Justeru, nelayan perlu berhati-hati dan memakai jaket keselamatan ketika menangkap ikan bagi meng- elak kejadian tidak diingini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Perak, Za- ki Mokri berkata, pihaknya menerima maklumat baha- wa semua nelayan terbabit selamat.

16 warga Myanmar terselamat 6 bot nelayan tenggelam

Bagan Datuk: Seramai 16 kru warga Myanmar terselamat selepas enam bot pukot tunda tenggelam dipukul ombak besar di kedudukan 3.7 batu nautika dari muara Sungai Hutan Melintang, di sini, Kelantan.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Perak, Kepten Shahrizan Raman, berkata pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian daripada Polis Marin (PPM) pada jam 12.50 tengah hari sebelum sepasukan anggota digerakkan ke lokasi.

"Anggota mendapati semua kru berkenaan sudah diselamatkan bot nelayan yang berada berhampiran lokasi.



Shahrizan Raman

"Semua nelayan terbabit selamat. Enam bot nelayan itu masing-masing dikenal pasti keluar dari jeti di Sekinchan, Selangor; Bagan Datuk dan Hutan Melin-



Salah satu bot yang tenggelam dekat muara Sungai Hutan Melintang, Bagan Datuk, semalam.

tang," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurutnya, kejadian dipercayai berlaku kerana air pasang besar, hujan dan angin kuat sehingga menyebabkan semua bot itu tenggelam.

"Justeru, nelayan perlu berhati-hati dan memakai jaket kese-

lamatan ketika menangkap ikan bagi mengelak kejadian tidak diinginkan berlaku, selain segera melaporkan kejadian kepada pihak berkuasa," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Perak, Zaki Mokri, berkata pihaknya menerima maklumat semua nelayan terbabit se-

lamat.

"Jabatan Perikanan berharap nelayan lebih berhati-hati ketika di laut dan sentiasa mengikut ramalan cuaca.

"Perkara lebih utama adalah memastikan alatan bantuan keselamatan sentiasa berada di atas bot," katanya.



MUSRIADI di kolam ikannya di Kampung Lendu.

RAHMAT TIKA MUSIBAH

Penternak talapia tolak permintaan pengusaha restoran untuk penuhi tempahan penduduk

Oleh Nazri Abu Bakar
am@hmetro.com.my

Melaka

Pandemik Covid-19 memberi rahmat buat penternak ikan talapia merah selepas terakan mereka di Kampung Lendu di sini, mendapat permintaan tinggi penduduk setempat.

Penternak, Musriadi Ramli, 38, berkata, sangkanya permintaan ikan air tawar merosot ketika Covid-19 melanda jelas meleset apabila dia menerima tempahan tinggi dari penduduk sekitar daerah ini.

"Saya tidak perlu keluar ke pasar untuk memasarkan ikan berkenaan berikutan hanya perlu melakukan penghantaran ke rumah pelanggan sahaja sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan.

"Malah, ada pelanggan datang ke kolam untuk membeli sendiri ikan.

"Saya tidak menduga sambutan hangat komuniti masyarakat setempat. Ini menyebabkan saya terpaksa menolak permintaan pengusaha restoran dan peraih bagi memenuhi tem-



IKAN talapia ditenak Musriadi mampu mencecah 350 gram hingga 500 gram seekor.



Saya tidak perlu keluar ke pasar untuk memasarkan ikan berkenaan berikutan hanya perlu melakukan penghantaran ke rumah pelanggan sahaja sejak PKP diperkenalkan"

Musriadi Ramli

pahan penduduk," katanya.

Dia yang menjual ikan pada harga RM15 sekilogram mula memternak 7,000 anak ikan talapia selepas menerima bantuan agensi kerajaan termasuk Jabatan Perikanan Daerah Alor Gajah.

Apa yang menarik kolam seluas kira-kira satu ekar itu membolehkan hasil dijual sepanjang tahun apabila dia akan memasukkan tambahan anak ikan setiap tiga bulan.

VP vows to help 'treetop girl'

Free bird's nest house for student if Warisan Plus remains in govt

KOTA KINABALU: Parti Warisan Sabah vice-president Datuk Junz Wong has promised that "treetop girl" Veveonah Mosibin's family will receive a free bird's nest house should the Warisan Plus government manage to return to power after the state elections.

"If Warisan wins big in the September polls, I will personally ensure Veveonah and her family receive a free bird's nest house," he said in a statement.

Wong made the announcement following Communications and Multimedia Deputy Minister Datuk Zahidi Zaimul Abidin's statement in the Dewan Negara when he falsely accused Veveonah, from rural Pitas,

"In 2019 alone, a total of 150 bird's nest houses were built for Sabahans state-wide," Wong said. He said out of that total last year, 55 units were built in Kudat and Pitas.

Wong said the rationale of focusing on Pitas was that it was one of the poorest districts in Malaysia. "That is why after taking over the Sabah government (in 2018), we immediately worked to turn Pitas into a bird's nest hub," he said, adding that Pitas was highly suitable for swiftlet nest farming.

"Apart from its suitability, this is a high-income economic activity that can help improve the livelihood of the very poor in Pitas."

In the programme, the Veterinary Services Department will help build each participant a free swiftlet house and teach them how to maintain the unit.

Wong said the participants would be taught how to collect the nests and the state would connect them to purchasing markets.

"One of the programme participants from Kampung Bongkol in Pitas managed to earn more than RM10,000 so far after being given a free bird's nest house," he added.

Wong said the people-centric programmes had been designed to help Sabahans like Veveonah and her family.



Nomination: Sept 12 | Polling: Sept 26

of lying about taking examinations in a tree on YouTube just to gain fame.

He later retracted his remarks and apologised but Malaysians were outraged, especially those from Sabah.

Wong said the free bird's nest house programme, called "Program Sentuhan Rakyat", was implemented by Warisan during its tenure in the state.

Headline	Bambangan now available in juice form		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	06 Sep 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	346 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,929
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,787



Kiandee tries a piece of bambangan during the launch of the new product formulated by Mardi. Also seen is Rina.

Bambangan now available in juice form

KOTA KINABALU:

Bambangan, a local fruit that is usually pickled and eaten as an appetizer, is now available in juice form, thanks to the hard work of Malaysian Agriculture Research and Development Institute (Mardi) in Sabah.

Its research officer, Rina Singkina, said Mardi came up with the formulation for the juice in 2012 and had been training those interested to make bambangan juice since then.

Rina when met after Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee launched the product on Saturday, said it started when

Mardi was asked to try making juice from local fruits like bambangan which is like mango.

"So Mardi took up the challenge and did its research on how to diversify the uses of bambangan. We know that bambangan juice is being produced on a small scale basis but the product does not have a long shelf life.

"With Mardi's technology, we can assist the entrepreneurs to make quality products. Those who are interested can come and we will provide them with all the necessary training as well as advice of packaging and labelling," she said.

Since bambangan is a seasonal fruit, part of the training is how to make puree so that there will be a supply of raw material for juicing, said Rina.

She also disclosed that based on the Agroculture Department's statistics in 2018, there was only 28.1 hectares of bambangan trees in Sabah with a production of 39 metric tonnes only a year.

"Most are wild grown trees and not cultivated but we can see the potential. Mardi Bintulu is planning to plant bambangan trees for commercial purposes in its diversity centre," she said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

PTD Raub sahkan tiada rundingan antara pekebun durian

KUANTAN - Pejabat Daerah dan Tanah (PTD) Raub menafikan mengadakan rundingan dengan pekebun durian musang king Raub dalam isu penerokaan haram seperti yang dilaporkan sebuah akhbar tempatan pada Khamis lalu.

PTD Raub dalam satu kenyataan memberitahu ia kesal dengan dakwaan pekebun berkenaan seperti yang disiarkan dalam dua akhbar terbabit.

“Tiada sebarang rundingan

dibuat pada Rabu lalu antara pihak kita dengan wakil pekebun durian musang king yang menceroboh tanah kerajaan negeri,” katanya dalam satu kenyataan.

Khamis lalu, sebuah akhbar melaporkan pengusaha kebun durian musang king terbabit telah mengadakan rundingan dengan kerajaan negeri bagi mempertahankan kebun mereka yang diusahakan sejak 40 tahun lalu.

ISU PENEROKAAN HARAM PEKEBUN DURIAN

Sementara itu, Pengerusi Save Musang King Alliance (Samka), Chang Yee Chin,

kenyataan yang dikeluarkan akhbar berkenaan tidak benar.

“Setakat hari ini (semalam), saya belum lagi berunding atau mengadakan temu janji dengan Pejabat Tanah dan Galian Raub. Saya pun tidak pernah ditemu bual daripada akhbar berkenaan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Angkasa rancang ternak udang

GEORGETOWN: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) akan meneroka bidang penternakan udang putih bagi membangunkan perniagaan koperasi negeri ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kertas kerja berkaitan projek penternakan udang putih itu akan dibentangkan kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Menurut beliau, projek tersebut memerlukan modal permulaan sekitar RM50 juta sekali gus bantuan kerajaan penting untuk merealisasikan hasrat berkenaan.

"Kertas kerja projek ini sedang dirangka dan kita jangka bulan depan dapat dibentangkan kepada kerajaan untuk dinilai," katanya selepas menghadiri Bengkel Penghasilan Kertas Kerja Ternakan Udang Putih dan Tiram di sini semalam.

Menurut Abdul Fattah, Angkasa telah mengenal pasti 21 koperasi di Pulau Pinang yang sesuai untuk memulakan projek penternakan udang putih itu dalam masa terdekat.

Katanya, kebanyakan koperasi di negeri ini masih lagi bergantung kepada produk-produk pertanian sebagai punca utama pendapatan mereka.

"Jadi untuk memastikan koperasi dapat meningkatkan jumlah pendapatan, kita mesti menjalankan perniagaan berimpak tinggi seperti penternakan udang putih ini yang dapat dipasarkan di dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata, Angkasa telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Asia Aquaculture Holding Sdn. Bhd. bagi memastikan koperasi-koperasi mempunyai pengetahuan dan kepakaran secukupnya mengenai bidang penternakan udang putih.

Koperasi teroka perniagaan baharu tingkatkan pendapatan

4 hektar ternak udang putih

Oleh SAFINA RAMLI

GEORGE TOWN - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) bakal meneroka bidang penternakan udang putih bagi membangunkan perniagaan koperasi di negeri ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kertas kerja berkaitan projek itu akan dibentangkan kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam masa terdekat.

"Projek ternakan udang putih ini memerlukan modal permulaan sekitar RM50 juta, jadi kita memerlukan bantuan daripada kerajaan untuk merealisasikan hasrat ini.

"Kertas kerja berkaitan projek ini sedang dirangka dan kita menjangkakan dalam bulan depan akan dibawa kepada menteri untuk penilaian," katanya selepas menghadiri Bengkel Penghasilan Kertas Kerja Ternakan Udang Putih dan Tiram di sini semalam.

Menurut Abdul Fattah, sebanyak 21 koperasi di negeri ini telah dikenal pasti oleh Angkasa untuk memulakan projek penternakan



ABDUL FATTAH (dua dari kanan) beramah mesra dengan peserta Bengkel Penghasilan Kertas Kerja Ternakan Udang Putih dan Tiram di Pulau Pinang kelmarin.

itu dalam masa terdekat.

"Kebanyakan koperasi di negeri ini masih lagi bergantung kepada produk-produk pertanian

sebagai punca utama pendapatan mereka.

"Jadi untuk memastikan koperasi dapat meningkatkan jumlah

pendapatan, kita mesti menjalankan perniagaan berimpak tinggi seperti penternakan udang putih yang boleh dipasarkan di luar negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Angkasa menjalin kerjasama strategik dengan Asia Aquaculture Holding Sdn. Bhd. bagi memastikan koperasi mempunyai pengetahuan dan kepakaran secukupnya mengenai bidang penternakan udang putih.

"Syarikat ini telah menjalankan projek perintis penternakan udang putih di atas tanah seluas dua hektar di Teluk Tempoyak.

"Kita dapati udang putih yang dituai di dalam satu kolam sangat menggalakkan iaitu sekitar empat hingga lima tan dalam tempoh tiga bulan," katanya.

Tambah Abdul Fattah, Angkasa juga mengenal pasti kira-kira 121 hektar tanah di negeri ini yang sesuai untuk dibangunkan sebagai kawasan penternakan udang putih.

"Buat permulaan, kita akan gunakan sekitar empat hektar di kawasan sekitar Balik Pulau untuk projek penternakan udang putih," kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2020	METRO AHAD	XPRESI	36

HASIL 100 ANAK AYAM DALAM SEMINGGU

Mohd Yusof rancang mohon bantuan geran daripada kerajaan untuk majukan lagi perniagaan

AGRO

Oleh Fairuz Asmaini Mohd Plus
asmaini@nstp.com.myc.com.my

Tak kenal maka tak cinta. Bermula hanya sekadar membantu bapa ketika berada di kampung kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu, Mohd Yusof Zaki Yaacob kini mengorak langkah sebagai penternak ayam kampung berjaya.

Anak muda lulusan Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia dari sebuah Institut pengajian tinggi awam di ibu kota ini sanggup berhenti kerja baru-baru ini demi memberi tumpuan kepada perniagaan ternakan ayam kampung yang diusahakan keluarganya di Pekan Jabi, Segamat, Johor.

Mohd Yusof, 30, berkata, ternakan ayam kampung di bawah label



FOTO KOLEKSI PERIBADI YUSOF ZAKI

ANAK muda yang berjaya memcebati bidang ternakan ayam kampung

Ayam Kampung Atuk itu dimulakan bapanya sejak 2018, tetapi ketika itu hanya untuk dinikmati keluarga saja.

Sehinggalah pada akhir 2018, ternakan yang semakin bertambah mula dijual kepada peniaga dan pemborong sekitar daerah Segamat.

Kata Mohd Yusof, bermula dengan hanya 30 ekor, kini ternakan ayam kampung keluarganya sudah melebihi 1,000 ekor termasuk baka ayam kampung kacuk.

Malah, katanya, ayam dewasa yang siap diproses dijual RM18 sekilogram manakala ayam hidup jantan boleh mencecah RM45 seekor bergantung kepada baka dan keadaan fizikal.

"Ayam kampung betina (hidup) pula lebih murah iaitu RM18 sekilo.

"Anak ayam pula untuk dijual kepada penternak sekitar Segamat manakala telurnya



AYAM kampung mempunyai penggemar tersendiri.

Makanan seperti dedak atau jagung memang dikurangkan bagi mengelakkan ternakan gemuk dengan lemak seperti ayam daging

MOHD YUSOF



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2020	METRO AHAD	XPRESI	37



dijual kepada peraih dan peniaga setempat. "Alhamdulillah, setakat ini kami memang tidak menang tangan memenuhi tempahan baik daripada peraih, penternak dan orang perseorangan," katanya kepada Agro.

Menurut Mohd Yusof, secara purata, ladang ternakannya mampu mengeluarkan 100 ekor anak ayam kampung dalam masa seminggu.

Kata Mohd Yusof, anak ayam berusia seminggu dijual pada RM3.30 sekor dan kebanyakannya dibeli pengusaha ladang ternakan sekitar Segamat.

Menurut anak kedua daripada tiga beradik ini lagi, berbanding haiwan ruminan lain, ayam kampung lebih mudah



AYAM kampung diberi makan dua kali sehari dan mengemukakan penggunaan dedak atau jagung.



AYAM kampung yang siap diproses.

diternak kerana tidak memerlukan penjagaan yang rumit.

Katanya, jika dijaga dengan betul, ayam kampung juga jarang terkena serangan penyakit.

"Ayam kampung makan dua kali sehari pada sebelah pagi dan petang, ia juga tidak memilih makanan tapi biasanya kami memberi makan sisa makanan dan sayuran yang diproses.

"Makanan seperti

dedak atau jagung memang dikurangkan bagi mengelakkan ternakan gemuk dengan lemak seperti ayam daging," katanya.

Jelas Mohd Yusof, terdapat 20 reban pelbagai saiz di ladang ternakan keluarganya dan ada yang mampu memuatkan sehingga 100 ekor pada satu-satu masa.

Kata Mohd Yusof, untuk memajukan lagi perniagaan berkenaan, dia turut merancang memohon bantuan geran daripada kerajaan.

Bantuan berkenaan akan digunakan bagi memperbesar lagi ladang ternakan.

"Saya juga merancang membuka pusat sehati bagi memuatkan pusat sembelihan dan tempat jualan.

"Bidang ternakan ayam kampung memiliki potensi besar kerana pasaran sentiasa ada manakala harganya juga kekal.

"Sepanjang PKP baru-baru ini misalnya, permintaan terhadap ayam kampung tidak putus manakala harganya juga tidak jatuh," katanya yang banyak menggunakan kaedah pemasaran dalam talian untuk menjual hasil ternakannya.



ANAK ayam kampung juga dijual kepada penternak sekitar Segamat.



MEMERIKSA tempat penetasan telur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2020	KOSMO AHAD	PANORAMA	17

Impresi Kehidupan

Kosmo/Ahad 06.09.20

Panorama



Buah naga Sepang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/9/2020	KOSMO AHAD	PANORAMA	18



PAU ban gergasi daripada buah naga berintikan kari ayam merupakan hidangan signatur di Restoran HL.

**EKSTRA
BUAH NAGA**

- Nama lain bagi buah ini ialah mata naga, pitaya dan pitahaya
- Dikenal secara meluas sebagai buah naga kerana kulitnya yang kelihatan bersisik seperti kulit naga
- Berasal dari Mexico atau rantau Amerika Tengah. Buah ini ditanam secara komersial di Malaysia, Vietnam, Thailand, Filipina dan Taiwan
- Hidup subur dalam suhu sekitar 20 hingga 30 darjah Celsius dengan sekurang-kurangnya tujuh jam sinaran matahari sehari
- Memerlukan taburan hujan antara 500 hingga 1,500 millimeter

Keunikan buah *midnight beauty*

TATKALA orang lain sedang lena diluit mimpi, seorang pekerja kebun sudah memulakan kerja-kerja pendebungaan dengan memindahkan debunga dari satu pokok buah naga ke pokok buah naga yang lain.

Bertemankan bunyi unggas dan suasana malam dingin berkabus, pekerja tersebut yang mesra disapa Kadil mengumpul butir-butir debunga pokok buah naga itu menggunakan berus halus.

Berbekalkan lampu suluh kecil yang disematkan di kepala, Kadil dan sembilan lagi pekerja kebun lain melaksanakan tugas itu dengan cekap dan penuh cermat.

Meskipun perlu bekerja dalam kegelapan malam, mereka berjaya melakukan kerja pendebungaan pada bunga buah naga itu yang hariya mekar dari pukul 12 tengah malam hingga 5 pagi.

Menurut Kadil, pendebungaan buatan dengan memindahkan debunga dari satu pokok ke pokok lain bertujuan menjadikan buah naga lebih besar dan manis.

"Kerja ini bagaimanapun hanya boleh dibuat pada waktu tengah malam kerana dalam tempoh itu sahaja kelopak bunga buah naga mekar.

"Apabila matahari naik, kelopaknya yang boleh mengembang sehingga 20 sentimeter akan menguncup sepanjang hari sehingga malam muncul semula," katanya kepada Panorama di sebuah kebun buah naga di Sepang, Selangor.

Berpengalaman lebih 10 tahun bekerja di Kebun Buah Naga HL, Kadil berkata, dia turut



EUGENE menunjukkan bunga buah naga yang menguncup pada waktu siang.

dipertanggungjawabkan untuk memastikan tanaman buah naga di kebun seluas hampir lima hektar di Sepang itu sentiasa baik dan dibaja mengikut waktu.

Kata Kadil, tumbuhan buah naga memliki ciri-ciri fizikal seperti pokok kaktus yang mempunyai duri di sepanjang batangnya yang lurus dan berwarna hijau tua.



Oleh
**NOR IDAYU
BOSRO**



MINUMAN smoothie berasaskan buah naga yang menyegarkan.



POKOK buah naga berbentuk seperti kaktus dan berbuah sebulan sekali.

"Justeru, kerja pendebungaan dan memetik buah naga yang telah ranum perlu dibuat secara berhati-hati," ujarnya.

Terima pengunjung

Sementara itu, Pengurus Kebun Buah Naga HL, Eugene Chia, 23, berkata, duri pada batang tumbuhan buah naga itulah yang mengeluarkan tunas dan mengambil masa kira-kira seminggu untuk berbunga.

"Dalam tempoh empat ke lima hari, ovari buah akan bertukar warna menjadi kekuningan jika pendebungaan tidak berjaya."

"Jika berjaya, buah akan membesar dan dalam masa seminggu bunganya pula semakin layu sebelum gugur," katanya.

Bercerita lanjut, Eugene berkata, buah naga atau spesies *Hyllocereus* daripada keluarga kaktus itu mengambil masa kira-kira 30 hari untuk matang sepenuhnya sebelum boleh dipetik.

Katanya, berbeza dengan bunganya yang mekar pada waktu malam, tumbuhan itu secara semula jadi tahan terik cahaya matahari dan boleh hidup subur dalam iklim panas.

"Cuaca panas akan mempercepat proses pembesaran buah sekali gus memendekkan tempoh tuai."

"Buahnya diketahui sudah ranum dengan melihat kulitnya yang berkilat, berwarna merah, tidak berduri serta bentuknya bulat. Kulitnya juga senang ditanggalkan seperti pisang apabila dikupas," katanya.

Eugene berkata, buat masa ini, terdapat lebih 3,300 pokok ditanam di kebun milik keluarganya itu dengan pengeluaran kira-kira 1.8 tan metrik sebulan.

Katanya, terdapat tiga jenis tanaman buah naga di kebun itu iaitu *Hyllocereus undatus* (buah naga kulit merah, isi putih), *Hyllocereus costaricensis* (kulit merah, isi merah) dan *Hyllocereus magalanthus* (kulit kuning, isi putih).

Tambahnya, tanaman itu boleh hidup subur di tanah berpasir dan tanah gembur berpasir yang kaya bahan organik dengan nilai pH antara 5.3 hingga 6.7.

"Tanah dengan tahap keasidan tinggi tidak sesuai kerana dikhuatiri buah akan menjadi masam," ujarnya.

Justeru, tidak hairanlah



Buahnya diketahui sudah ranum dengan melihat kulitnya yang berkilat, berwarna merah, tidak berduri serta bentuknya bulat. Kulitnya juga senang ditanggalkan seperti pisang apabila dikupas.

KEBUN buah naga seluas lima hektar ini terletak di Sepang, Selangor.



kebanyakan tanah di sepanjang jalan menuju ke Bagan Lalang, Sepang diusahakan sebagai kebun buah naga sehingga daerah tersebut cukup sinonim dengan penanaman buah tersebut. Hampir 10 pengusaha tanaman buah naga boleh didapati di kawasan tersebut yang kaya dengan tanah berpasir.

Menyedari keunikan tanaman buah naga, Eugene berkata, kebunnya turut memberi peluang kepada orang ramai untuk merasai sendiri pengalaman mendebungkan, memetik dan menanam buah itu menerusi temu janji bersama pihak kebun.

Katanya, bagi aktiviti pendebungaan, pengunjung perlu datang seawal pukul 9 pagi bagi membolehkan mereka melihat sendiri keindahan bunga buah naga yang juga digelar *midnight beauty* itu.

"Pengunjung juga boleh memetik buah naga apabila tiba musimnya," ujar Eugene sambil memberitahu buah naga berbuah sebulan sekali.

Pengunjung yang berminat untuk mempelajari kaedah menanam buah naga juga boleh mengikuti aktiviti seminar yang disediakan.

Mereka boleh berbuat demikian dengan membeli pasu serta keratan batang bagi membolehkan pokok yang sudah ditanam dibawa pulang ke rumah masing-masing.

Di samping itu, Eugene berkata, pengunjung juga berpeluang membuat adunan doh pau gergas buah naga yang menjadi hidangan signature di restoran HL.

"Selain boleh dinikmati begitu sahaja, buah naga juga sesuai dibuat salad dan dijadikan bahan asas dalam hidangan lait," katanya.

Tambahnya, buah naga memiliki pigmen semula jadi daripada likopen dan beta karotena yang boleh menyertahkan warna dan rasa sesuatu makanan. Nutrisi makanan juga bertambah menerusi khasiat buah naga yang terbukti kaya dengan serat, kalsium, magnesium serta vitamin A dan C.

Buah naga di kebun itu juga diinovasikan menjadi produk-produk seperti minuman, teh uncang dan kerepek.



FAUZI

Tarikan agropelancongan baharu daerah Sepang

KKWUJUDAN beberapa kebun buah naga di Sepang menjadi antara daya tarikan agropelancongan baharu di daerah itu sekali gus mampu memulih dan merencanakan semula industri pelancongan domestik negara yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang, Fauzi Mohd. Yatim berkata, tanaman buah naga di Sepang sememangnya menjadi tarikan pelancong tempatan dan luar negara berikutan bentuk unik buah dan pokoknya yang boleh dilihat di sepanjang jalan menuju ke pekan Sungai Pelek.

Beliau berkata, daripada data Jabatan Pertanian daerah, dianggarkan kawasan dari pekan Sepang ke pekan Sungai Pelek seluas kira-kira 59 ekar (21 hektar) diusahakan menjadi kebun tanaman buah naga dengan keluaran 400,000 tan setahun.

"Buah naga ini bukan hanya untuk pasaran tempatan, malah turut diekspor ke luar negara termasuk Singapura dan China."

"Justeru, perusahaan oleh masyarakat tempatan melalui tanaman kebun buah naga ini sangat bernilai dalam usaha menjana ekonomi masyarakat tempatan," katanya.

Fauzi berkata, pihaknya akan terus menyokong inovasi produk sedia ada kepada jus minuman, teh uncang, makanan, roti dan kerepek yang diusahakan pengusaha buah naga.

Katanya, Majlis Perbandaran Sepang juga kini giat mempromosikan tagline baharu pelancongan di daerah itu iaitu Sepang Di Hati, Jom Bercuti @Sepang sebagai salah satu cara menggalakkan pelancongan domestik pasca-Covid-19.

"Dalam norma kehidupan baharu, pekebun dan pengusaha terlibat diberi pendedahan berhubung pematuan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara," katanya.